

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**

**TARIKH** : **23 MEI 2016(ISNIN)**

**NO. SOALAN** : **102**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) pada tahun 2016, berapakah jumlah kelulusan rumah PPRT di Parlimen Sepanggar dan apa status permohonan 100 buah rumah PPRT yang dikemukakan sejak tahun 2014 lagi di kawasan Sepanggar; dan
- (b) apakah reaksi Kementerian ke atas cadangan menaikkan harga pembinaan rumah PPRT daripada RM50,000 kepada RM80,000 setiap buah dan menambah saiz rumah kepada 3 buah bilik.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2014 hingga 2015, sejumlah **436 penerima** di kawasan Parlimen Sepanggar telah mendapat bantuan di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) dengan pecahan **53 bina baru dan 2 baik pulih** dengan **kos keseluruhan berjumlah RM2.67 juta** .

Kementerian ini sedia maklum bahawa keperluan PBR sama ada bina baru dan baik pulih adalah amat diperlukan di pelbagai kawasan luar bandar termasuk sepertimana yang dipohon bagi kawasan Parlimen Sepanggar. Walau bagaimanapun, dalam memenuhi keperluan ini, ianya adalah dilaksanakan secara berperingkat tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan dan penyelarasan di peringkat negeri.

Oleh yang demikian, di bawah pelaksanaan PBR tahun 2016, Kementerian menyasarkan sebanyak **(14) unit bina baru** dan **(60) unit baik pulih** akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Sepanggar dengan anggaran kos berjumlah **RM1.42 juta**.

- (b) Sehubungan dengan cadangan supaya kadar harga rumah PBR bina baru ditingkatkan daripada RM50,000 kepada RM80,000 seunit dan menambah saiz rumah kepada (3) buah bilik, untuk makluman Yang Berhormat, kadar harga semasa iaitu RM40,000 di Semenanjung dan RM50,000 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah untuk pembinaan seunit rumah merangkumi (3) bilik dengan keluasan 600 kaki per segi. Kos pembinaan bagi seunit rumah tersebut adalah tidak termasuk kos ekstrem dan bayaran GST kepada kontraktor.

Buat masa ini, Kementerian berpandangan kadar harga tersebut masih mencukupi dan relevan di dalam pelaksanaan PBR. Walau bagaimanapun, cadangan untuk meningkatkan kadar bantuan ini

akan diteliti oleh Kementerian selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.